

# D'HERBA

RUJUKAN BERWIBAWA™

PP14145/6/2007

BIL 8

RM 7.00

MAC 2007


## KECANTIKAN BERASASKAN HERBA

(Penawar)  
**Gout** 'boleh diwarisi'

(InfoSihat)  
Apa yang anda  
tidak tahu mengenai  
**pil langsing?**

(DariProf)  
Pemakanan & senaman  
penghidap **kencing manis**

(ComelLote)  
Rawat **kulit bersisik**  
dengan limau purut




**NESPURE**



**B-POWER**



**S-CLASS**



(Itisi)  
**Kulat  
susu  
harimau**



ISSN 1823-5379



Lebih banyak info produk herba di dalam ▶▶▶

## Itisi

Dari titisan susu raja rimba, tumbuhlah...

# Kulat susu harimau

**M**encarinya bukan kerja mudah. Ini kerana anda perlu menyelip ke tengah hutan belantara yang menjadi tempat harimau berkeliaran.

Itulah kulat susu harimau yang dipercayai dalam amalan perubatan tradisional, mempunyai banyak khasiat perubatan.

Namanya sudah cukup menggerunkan – kulat susu harimau. Ia bukan kulat (cendawan) biasa yang boleh ditemui di mana-mana pasar basah atau pasar tani. Sebaliknya, kulat ini dipercayai terhasil daripada titisan susu harimau ketika menyusukan anak.

Dan anda pun tahu – harimau tidak menyusukan anak di atas Jalan Tunku Abdul Rahman di tengah bandar raya Kuala Lumpur atau mana-mana lokasi seumpamanya.

Jadi, untuk mencari kulat ini, anda perlu menyelip masuk ke kawasan habitat raja rimba itu di tengah hutan belantara.

Dan jika benar kulat ini terhasil daripada titisan susu harimau – yang memang terkenal sebagai haiwan paling kuat dan gagah perkasa – anda sendiri boleh membayangkan khasiat serta 'kekuatan' tumbuhan berkenaan, terutama dari sudut perubatan.

Menurut pengamal perubatan tradisional, **Roslan Mamat**, ketika menyusukan anak, titisan susu ibu haiwan itu mungkin tumpah di atas daun atau tanah.

"Kalau anak dia tak jilat atau hisap semula susu tu, dalam tempoh tertentu, akan tumbuh menjadi kulat. Sebab itu orang panggil kulat susu harimau," katanya kepada D'HERBA ketika ditemui, baru-baru ini.

Untuk mencarinya, menurut Roslan, ia lebih mudah pada malam hari kerana



Kulat susu harimau

**Dan jika benar kulat ini terhasil daripada titisan susu harimau - yang memang terkenal sebagai haiwan paling kuat dan gagah perkasa - anda sendiri boleh membayangkan khasiat serta 'kekuatan' tumbuhan berkenaan, terutama dari sudut perubatan.**

kulat ini lebih tampak bersinar keputihan berbanding siang hari.

"Nak cari (kulat susu harimau), kena cari waktu malam sebab 'payungnya' mudah nampak bersinar putih.


"Ia tidak mudah ditemui dan sudah tentulah kena cari di kawasan yang ada harimau," katanya.

Menjelaskan mengenai kulat tersebut,

beliau berkata, ia sejenis kulat yang unik berbanding kulat biasa.

Menurutnya, jika dipotong atau dibelah, bahagian dalam kulat ini lebih lembut berbanding kulat biasa.

Bagaimanapun, katanya, jika disimpan lama tanpa penjagaan betul atau tidak ditutup, kulat ini mudah rosak atau dimakan bubuk. D'HERBA



PERDU... bahagian inilah paling banyak digunakan dalam amalan perubatan tradisional Melayu. Perdu kulat susu harimau biasanya ditemui berbau dengan tanah bukit.



UNIK... Bahagian bawah 'payung' kulat susu harimau.

## Rawat payudara dengan kulat susu harimau

**M**enurut pengamal perubatan tradisional, Roslan Mamat, bahagian paling banyak digunakan dalam amalan perubatan tradisional Melayu pada kulat susu harimau ialah perduanya (gambar sebelah).

Beliau mengakui kulat susu harimau adalah antara bahan perubatan yang banyak digunakan dalam tradisi perubatan tradisional itu, termasuk bagi merawat barah payu dara.

Roslan sendiri pernah merawat pesakit yang menghadapi masalah kesihatan sedemikian menggunakan kulat susu harimau dan berjaya pulih.

Menurutnya, kulat berkenaan adalah sejenis tumbuhan yang dikelaskan oleh amalan perubatan tradisional sebagai 'bersifat sejuk'.

"Jadi, penyakit yang sesuai dirawat menggunakan kulat susu harimau ialah penyakit bersifat panas," katanya.

Biasanya pengamal perubatan tradisional tahu bagaimana mengenal pasti dan mengelaskan di antara penyakit bersifat sejuk dan penyakit bersifat panas.

Sementara itu, D'HERBA difahamkan belum ada mana-mana badan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini menjalankan kajian terhadap kulat susu harimau. D'HERBA

Note:  
Lagi mengenai kulat susu harimau dalam D'HERBA keluaran depan.

### INTI

**1** Kulat ini dipercayai terhasil daripada titisan susu harimau ketika menyusukan anak.

**2** Jika dipotong atau dibelah, bahagian dalam kulat ini lebih lembut berbanding kulat biasa.

**3** Bahagian paling banyak digunakan dalam amalan perubatan tradisional Melayu pada kulat susu harimau ialah perduanya.